



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YANG BERBAHAGIA DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS RUMAH TERBUKA AIDIL FITRI  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TARIKH / MASA / TEMPAT

**17 APRIL 2024 (RABU)**  
**11.00 PAGI – 2.00 PETANG**

**MENARA BANDARAYA**  
**BANDAR PERDA**

*Disediakan oleh Jabatan Korporat*

---

*Ucapan YBhg. Datuk Bandar MBSP 2024*

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Yang Berbahagia  
Tan Sri - Tan Sri, Dato' Seri – Dato' Seri, Dato' - Dato', Datin-Datin, Tuan-  
Tuan dan Puan-Puan serta seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seberang  
Perai yang saya hormati sekalian.**

1. Alhamdulillah segala puji bagi Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnianya, kita dapat berkumpul bersama-sama dalam Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Saya amat berbesar hati dan gembira pada hari ini kerana dapat meraikan jamuan aidilfitri bersama hadirin hadirat sekalian.
2. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengalu-alukan kehadiran semua para jemputan ke majlis pada hari ini. Terima kasih kepada semua rakan strategik MBSP yang hadir yang terdiri daripada agensi kerajaan, swasta, NGO dan sebagainya. Tidak lupa juga pada semua warga kerja MBSP dan

wira oren yang masih bertugas. Sesungguhnya majlis pada hari ini amat bermakna kerana secara tidak langsung ianya dapat mengeratkan perpaduan dan bersilaturahmi antara kita. Keistimewaan rumah terbuka ini sepatutnya diteruskan dan dikekalkan agar penyatuan dan ikatan kemasyarakatan dapat dimartabatkan.

3. Jemputlah menjamu selera. Pelbagai juadah telah disediakan dan saya berterima kasih di atas usaha penat lelah warga MBSP di atas penganjuran Rumah Terbuka Aidilfitri MBSP. Hiasan dalaman yang begitu menarik hasil tangan warga MBSP sendiri. Tahniah semua.

4. Sebelum saya mengkahiri ucapan saya ini, izinkan saya memberi serangkap pantun:

Salam Dihulur Tanda Ingatan,

Moga Ukhwah sentiasa berkekalan

Selamat Hari Raya Aidilfitri saya titipkan

Buat Semua hadirin hadirat kenalan sekalian

**Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir & Batin**

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***